

06/10/2001

Nasib pekerja MAS ditentu Disember

Nadzim Ahmad Jamalludin

PUTRAJAYA, Jumaat - Keputusan sama ada sebahagian daripada 21,000 kakitangan Penerbangan Malaysia (MAS) diberhentikan atau sebaliknya akan diketahui Disember ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata syarikat penerbangan itu dalam proses menyusun semula struktur organisasinya dan mengkaji beberapa kaedah menjimatkan kos termasuk mengurangkan kakitangannya.

"Proses penstrukturan semula itu dijangka selesai Disember ini. Kita lakukan apa yang penting dulu iaitu mencari jalan meningkatkan kekerapan penerbangan ke beberapa destinasi menguntungkan seperti Indonesia, China, India dan Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan penasihat kanan Majlis Rakyat Quanzhou, Liu Dezhang, di pejabatnya semalam.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan, yang kini menguasai MAS, tidak memulakan langkah menyelesaikan masalah syarikat penerbangan itu dengan memberhentikan pekerja.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sebaliknya akan mengkaji bagaimana syarikat itu boleh dipulihkan. MAS mempunyai hutang kira-kira RM8 bilion dan dana pemegang saham RM2 bilion.

Dr Ling berkata, jika langkah mengurangkan kakitangan terpaksa diambil, MAS akan menawarkan Skim Pemisahan Sukarela (VSS) kepada pekerja yang sudah lama berkhidmat.

Mengenai langkah MAS menamatkan perkhidmatan ke 12 destinasi yang tidak menguntungkan, Dr Ling berkata, kerajaan tidak akan membiarkan syarikat penerbangan negara mengalami nasib yang sama terhadap Swissair And Ansett.

"Kita sedang cuba melakukan apa saja yang boleh dan meneruskan penerbangan. Kita tidak mahu memberhentikan pekerja kerana mereka mempunyai kemahiran dan skil yang unik.

"Jika kita biarkan MAS runtuh, kita akan kehilangan mereka semua. Oleh itu, dalam penstrukturan semula MAS, beberapa aspek yang membawa keuntungan sedang dikaji termasuk kejuruteraan dan katering," katanya.

Beliau berkata, MAS akan mengurangkan penerbangan ke destinasi yang bilangan penumpangnya kecil dan memberi tumpuan kepada laluan mempunyai kepadatan penumpang tinggi.

Sebagai contoh, laluan Chennai yang mempunyai ramai penumpang akan ditambah dengan dua penerbangan sehari berbanding satu penerbangan setiap tiga hari sekarang.

(END)